

Latihan giat utk baik kelemahan pesilat2

11 MAR 1980
PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) sedang menjalakan satu rancangan latihan giat untuk memastikan para pesilat Singapura benar-benar 'fit' ketika mengambil bahagian dalam Pesta Silat Tiga Negara di Panggung Negara da April nanti.

Seorang jurucakap Persisi, Encik Johari Uriff, menekankan bahawa pihaknya sengaja menyiapkan persediaan itu kerana dia memandang penting soal 'fitness' dan ketangkasan para pesilat yang akan mengambil bahagian.

Tindakan ini diambil berdasarkan penilaian Persisi sendiri yang mendapati bahawa ramai

Pencakar silat
pesilat di sini masih menghadapi masalah kurang 'fit'.

Keadaan ini telah terdedah dalam Pesta Silat Kebangsaan lewat tahun lalu dan kedudukan yang sama telah dikesan sejak beberapa tahun kebelakangan.

Amat penting

Persisi telah mengambil keputusan untuk membolehkan para pemenang Pesta Silat Kebangsaan menyertai pesta tiga negara itu sebagai mewakili Singapura dalam bahagian kesenian dan olahraga silat.

Memandangkan para pesilat ini menghadapi masalah kurang 'fit' semasa mengambil bahagian dalam pesta kebangsaan, maka latihan giat yang diadakan itu dirasakan amat penting.

Sementara itu, Encik Johari menjelaskan bahawa dua orang pesilat yang pakar dalam selok-belok olahraga silat akan datang ke Singapura beberapa hari sebelum pesta dua hari itu (27 dan 28 April).

Mereka akan memberikan tunjuk ajar lanjut kepada para wasit dan juri olahraga silat yang semuanya akan dipilih di kalangan para pegawai tempatan.

"Persisi sudah lama mempelajari selok-belok ini dari Indonesia, tetapi kami mahukan satu persiapan yang lengkap dan memastikan semua pegawai yang terlibat cukup mengetahui tugas masing-masing semasa pesta berlangsung," jelas Encik Johari.

Kedua-dua ahli dari Jakarta itu juga akan membantu Persisi

membuat berbagai persiapan dari segi sistem pelaksanaan olahraga silat dan lain-lain urusan teknikal bagi memastikan ia akan berlangsung dengan teratur.

Baru diperkenalkan

Encik Johari juga berharap kehadiran dua orang pegawai Indonesia itu akan membantu menambahkan pengalaman para pegawai Singapura, yang kesemuanya terdiri dari ahli Majlis Guru-guru Silat Singapura, dalam urusan olahraga silat yang baru diperkenalkan di sini.

Pesta silat tiga negara itu akan turut diserikan dengan satu persembahan tambahan mengenai silat yang diberi nama persembahan *Sandera-tari*, iaitu satu drama silat.

Usaha Persilat utk menarik tiga lagi negara

Pencakar silat
PERSEKUTUAN Pencakar Silat Antarabangsa (Persilat) akan mengadakan lawatan rasmi ke Thailand, Filipina dan Brunei dalam usaha menarik keanggotaan ketiga-tiga negara ini ke dalam pertubuhan itu. *24 MAR 1980*

Sejauh ini, Indonesia, Malaysia dan Singapura saja telah dirasmikan sebagai anggota Persilat yang ditubuhkan sejak 11 Mac lepas di Anjung Kraton, Jawa Barat.

Setiausaha Agung Persilat, Encik Oyong Karma-yuda, akan menjalankan tugas tersebut yang dirasakan amat penting oleh persekutuan itu.

Ini memandangkan Persilat, selain dari menganjurkan Pesta Silat

Pencakar silat
Tiga Negara, juga mempunyai rancangan untuk menganjurkan Pesta Silat Asean yang akan melibatkan Thailand dan Filipina.

Terbaik

Sementara Brunei pula, sebuah negara di rantau ini yang diketahui mempunyai tradisi persilatan Melayu, juga akan dijemput untuk duduk dalam jawatankuasa yang terdapat dan bakal dijemput sama mengambil bahagian dalam pertandingan silat anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Salah satu matlamat utama Persilat ialah menggalakkan dan memajukan seni persilatan olahraga. Jalan ini dipercayai sebagai yang terbaik untuk membawa

kesenian ini ke gelanggang antarabangsa.

Bagi persilatan olahraga, usaha-usaha awam telah dijalankan untuk membolehkan setiap anggota pengasas Persilat memahami dengan mendalam kaedah dan cara-cara ia dilaksanakan.

Persisi sendiri telah dan sedang menerima panduan dari rakan-rakan seperjuangan mereka dari Indonesia dalam selok-belok menganjurkan silat olahraga yang juga akan menjadi salah satu pertunjukan utama Pesta Silat Tiga Negara di sini pada 25 dan 26 April.

Persilat merasakan perlu untuk menjayakan gerakannya di peringkat tiga negara dan Asean dengan serba sempurna sebelum meluaskannya lagi ke peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, difahamkan bahawa setakat ini pihak-pihak yang berminat di bidang seni silat di negara-negara Eropah dan Amerika sudah bersedia menyambut usaha meluaskan seni ini ke negara-negara mereka.

Latihan silat Esha

Setia Hati

Pencakar silat
KUMPULAN silat Esha Setia Hati akan memulakan kelas-kelas latihan mereka pada April ini di lima buah cawangannya.

Kelas-kelas itu akan diadakan di Teban Gardens (diperkarangan Masjid Hasanah), Zehnder Road, Jalan Abadi (Kaki Bukit), Kampong Amber dan Lorong Kikir.

Mereka yang berminat menyertai kelas-kelas silat ini boleh mendapat keterangan lanjut dari Encik Mohamad Kaspari di alamat Block 9, 2709G, Eunus Crescent, Singapura 1440. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 19 April ini.